

# Bandar hijau beri kesan pada psikologi

MENURUT sejarah, Kuala Lumpur telah diasaskan oleh Kapitan Cina, Yap Ah Loy sekitar tahun 1870-an.

Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab memastikan pertumbuhan sistematik ibu kota sehingga menjadi sebuah bandar perlombongan.

Kemajuan tersebut diteruskan sehingga ke hari ini dengan terbinanya bangunan-bangunan ikonik negara seperti Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar Petronas.

Bagaimanapun, pembangunan



SUHARDI

hutan konkrit yang terlalu pesat di ibu negara telah menyebabkan banyak kawasan hijau terpaksa dikorbankan.

Situasi ini telah menuntut kerajaan untuk mengimbangi keadaan tersebut dengan pengenalan pelbagai program hijau.

**Ketua Jabatan Seni Bina Landskap, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Suhardi Maulan** berkata, sebuah bandar yang mampan perlu sentiasa menitikberatkan konsep hijau. Jelasnya, konsep hijau tersebut

tidak hanya melibatkan penanaman pokok-pokok, malah merangkumi penggunaan tenaga, pengurusan sisa pepejal dan sistem pengangkutan.

"Bandar hijau ini dapat memberi banyak manfaat kepada masyarakat terutamanya dalam aspek kesihatan dan psikologi manusia.

"Justeru, penting bagi para pemaju untuk menitikberatkan konsep hijau dalam perancangan dan pembangunan sesebuah bandar," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Konsep perbandaran hijau mula diperdebatkan sejak tahun 1980-an di Barat selepas berlaku peningkatan

pencemaran di beberapa bandar.

Konsep tersebut mula dipraktikkan di bandar pada akhir tahun 1990-an dan awal 2000 di beberapa buah bandar utama seperti Amsterdam, Belanda dan Copenhagen, Denmark.

Menurut Suhardi, kesedaran masyarakat di negara ini terhadap bandar hijau perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Katanya, kerajaan perlu memainkan peranan dengan melakukan kempen penanaman pokok di rumah dan menggalakkan masyarakat mengitar semula sisa pepejal.